

Newspaper	Berita Harian
Date	24 August 2015

# Syor agri-solar di setiap negeri

» Cypark belanja RM80j sedia teknologi AIPV bantu tingkat hasil pesawah Perlis

Oleh Adha Ghazali, Diyanah Anuar dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Perlis



Najib memetik rock melon sebagai simbolik perasmian Pesta Menuai Hasil Projek Agri-Solar Cypark, di Kuala Perlis, semalam. (FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH)

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam melawat dan merasmikan Pesta Menuai Hasil Projek Agri-Solar Cypark Resources Bhd (Cypark) di sini.

Beliau turut melancarkan projek tanggungjawab sosial korporat Cypark, iaitu Konsep Kebajikan Komuniti Solar (CWSP) bagi membantu golongan berpendapatan rendah atau kumpulan B40 dan institusi kebajikan.

Di bawah program itu, Cypark menyumbangkan 10 peratus hasil jualan tenaga elektrik bulanan daripada program Tarif Galakan (FiT) Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) untuk tempoh 21 tahun kepada kumpulan sasar berkenaan.

Najib turut menyampaikan cek hasil perkongsian program CWSP kepada empat badan kebajikan dan kumpulan B40.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri bersama Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man di tapak projek disambut Pengerusi Eksekutif Cypark, Tan Sri Razali Ismail.

Pesta penuaian itu bermula dengan Najib memetik rock

melon yang ditanam menggunakan sistem pertanian moden berintegrasi tenaga solar (AIPV).

Ketua Pegawai Eksekutif Cypark, Datuk Daud Ahmad, berkata syarikat itu membelanjakan hampir RM80 juta untuk membangunkan teknologi integrasi membabitkan pertanian moden dan tenaga solar di Perlis.

Optimum kegunaan tanah Projek itu dibangunkan di Taman Tenaga Boleh Diperbaharui di Kampung Wai, di sini, yang memiliki keluasan tapak keseluruhan 10.9 hektar, dengan konsep pelaksanaannya untuk mengoptimumkan kadar penggunaan tanah dan memastikan kadar produkti

lebih tinggi.

Projek CWSP-AIPV itu dilihat lebih menguntungkan terutama dalam memberi peluang kepada pesawah menambah pendapatan menerusi penja

naan tenaga hijau.

Hasil dijana bukan sekadar melalui penjualan tanaman semata-mata, tetapi tenaga elektrik yang dihasilkan melalui panel solar yang dipasang.

“**Cypark giatkan R&D untuk majukan lebih banyak projek inovatif seperti bangunan struktur janaan solar berintegrasi di sawah**”

Daud Ahmad,  
Ketua Pegawai  
Eksekutif Cypark

Perbanyak projek inovatif "Sehingga kini, kita sudah bentangkan kepada kerajaan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu tapak projek agri-solar di setiap negeri dan Cypark giat melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memajukan lebih banyak projek inovatif, seperti membangunkan stuktur janaan solar berintegrasi di petak sawah padi, berbanding majoritirnya membabitkan kawasan penanaman rock melon ketika ini," katanya.